

TARIKH	ISNIN, 10 JANUARI 2022
AKHBAR	KOSMO
TAJUK ARTIKEL	'PROJEK KUARI CEMAR SUMBER AIR'
M/S	16
BIDANG	ENVIRONMENT
KATA KUNCI	POLLUTION

## 'Projek kuari cemar sumber air'

**BALING** – Kira-kira 2,000 penduduk di enam buah kampung di sini membantah sebarang projek kuari dilakukan di Gunung Inas kerana ia terletak berhampiran kawasan perkampungan selain dikhuatiri merosakkan kolam tadahan air dari gunung tersebut.

Enam kampung terlibat ialah Kampung Keda Kemangi, Kampung Kamangi, Kampung Padang Lengkuas, Kampung Padang Dan, Kampung Kuala Kuang dan Kampung Bendang Baru.

Setiasaha Bekalan Air Masyarakat, Biduzodin Ibrahim, 74, mendakwa, sebuah syarikat kontraktor didapati telah masuk ke kawasan tadahan air tersebut dipercayai untuk melakukan kerja-kerja cari gali batu kapur sejak sebulan lalu.

"Sehubungan itu kami bimbang air yang disalurkan dari kolam tadahan air di gunung ke rumah penduduk di enam kampung di sini tercemar," katanya di sini semalam.

Menurutnya, kawasan tadahan air sejauh tiga kilometer dari kawasan kampung telah digunakan penduduk sejak tahun 1991 lagi berikutan ketiadaan bekalan bersih daripada Syarikat Air



**BIDUZODIN (kiri)** menyerahkan memorandum bantahan projek kuari batu kepada Abdul Azeez di Kupang, Baling semalam.

Darul Aman Sdn. Bhd. (SADA) di sesetengah tempat.

"Meskipun paip air SADA ada di setiap rumah, namun bekalan air bersih tidak sampai ke rumah sebahagian penduduk," ujarnya.

Penduduk Kampung Padang Lengkuas, Zulkifli Ilias, 49, pula berkata, bantahan dibuat demi kebajikan dan kepentingan penduduk serta mengelakkan kemusnahan alam sekitar yang

mungkin boleh mendatangkan bencana seperti banjir dan tanah runtuh.

Sementara itu, Ahli Parlimen Baling, Datuk Seri Abdul Azeez Abdul Rahim berkata, memorandum bantahan penduduk akan diserahkan kepada Menteri Besar Kedah bagi mencari penyelesaian di samping menghentikan kerja-kerja cari gali demi kepentingan penduduk kampung.

DISEDIAKAN OLEH

1-PN NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM  
2-CARLOS LINTON (S19), BPM  
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM